

## Penyakit AIDS satu malapetaka akibat hubungan seks sejenis — Dr. M

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Atas sifatnya sebagai seorang doktor perubatan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penyakit AIDS adalah satu malapetaka ke atas masyarakat yang mengamalkan hubungan seks sejenis.

Sambil menerangkan latar belakang penyakit itu, beliau mengingatkan semua orang supaya berhati-hati dengan orang lelaki yang mempunyai kecenderungan terhadap kaum sejenisnya terutama lelaki belasan tahun.

Berucap menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung UMNO hari ini Presiden UMNO itu berkata, penyakit AIDS atau Acquired Immune Deficiency Syndrome adalah di mana keupayaan seseorang dalam melindungi dirinya dari sebarang penyakit telah terhapus.

Dalam keadaan itu, katanya, seseorang yang mengalami AIDS akan terus mati sekiranya di-hinggapi sebarang penyakit seperti sakit paru-paru, siplis dan sebagainya

kerana tidak dapat melawan penyakit berkenaan.

AIDS merupakan penyakit "moden" yang timbul dari masyarakat Barat yang mengamalkan hubungan sejenis secara bebas dan ia mengingatkan beliau kepada kisah di mana bandar Sodom pada zaman silam telah dimusnahkan oleh malapetaka yang diturunkan oleh Tuhan kerana para penduduknya mengamalkan hubungan sejenis.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu bahawa penyakit AIDS dan amalan hubungan sejenis malangnya turut berlaku di negara-negara Islam sungguhpun tidak secara terbuka.

Sebab itu, katanya, di sebuah negara Islam tertentu, telah berlaku penculikan kanak-kanak lelaki untuk digunakan bagi amalan hubungan sejenis.

Beliau kemudiannya bertanya, apakah hukumnya jika seseorang lelaki memandang lelaki lain dengan perasaan keinginan sedangkan dalam Islam, hubungan sejenis adalah lebih terkutuk dari zina.

UM 30 SEP 1985